

Sabtu – 21 November 2020

Halaman : 32

32

Komuniti Kita!

Kosmo! SABTU 21 NOVEMBER 2020

Pembaca Kosmo! kini boleh berkongsi foto-foto aktiviti menarik untuk disiarkan dalam ruangan ini.

Sila e-mel foto aktiviti bersama keterangan gambar yang disertakan dengan nama dan nombor telefon anda. E-melkan kepada komunitikosmo@mediamulia.com.my

Tiga NGO sumbang 200 bungkusan makanan kepada penduduk kampung

AGIH. Sebanyak 200 bungkusan makanan beserta air mineral diagihkan tiga pertubuhan bukan kerajaan (NGO) kepada penduduk di Kampung Pantai Besar, Batu Kurau dekat Taiping, Perak baru-baru ini.

Tiga NGO tersebut ialah Yayasan Amal Cawangan Perak, Al-Zahra Care dan Salam Relief.

Pengerusi Yayasan Amal Cawangan Perak, Mohamad Aman berkata, kesemua NGO tersebut sentiasa cakna mengenai permasalahan rakyat khususnya di negeri Perak dan memberi perkhidmatan yang terbaik tanpa mengira bangsa, keturunan dan agama.

“Bantuan yang diberikan ini menandakan solidariti kami kepada penduduk yang di timpa musibah.

“Selain membantu meringankan beban mangsa yang ditimpa bencana, Yayasan Amal juga mengutamakan kebijakan masyarakat Orang Asli di Perak,” katanya.



SEBAHAGIAN penduduk bergambar kenangan ketika menerima bekalan makanan dan air mineral yang disumbangkan tiga NGO di Kampung Pantai Besar, Batu Kurau baru-baru ini.